

NAMA :

TINGKATAN :

**LATIHAN PENGUKUHAN: PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS)**

**TAJUK : KEKELUARGAAN DAN PERHUBUNGAN**

**TAJUK 4.0 : KEKELUARGAAN (SILA RUJUK BUKU TEKS MUKA SURAT 156 HINGGA 161)**

**Arahan : Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.**

1. Sumbang mahram telah dikenal pasti sebagai sejenis penganiayaan \_\_\_\_\_ .
2. Perbuatan ini akan mendatangkan kesan terhadap kesihatan fizikal, \_\_\_\_\_ dan sosial.
3. Perlakuan sumbang mahram ini biasanya berlaku dalam kalangan individu yang mempunyai hubungan \_\_\_\_\_ seperti ibu, bapa, datuk, adik-beradik dan sebagainya.
4. Perbuatan sumbang mahram boleh berlaku secara fizikal dan bukan \_\_\_\_\_.
5. Contoh perbuatan sumbang mahram yang dilakukan secara bukan fizikal ialah \_\_\_\_\_.
6. Dalam hukum syarak atau agama Islam, sumbang mahram bererti persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang dilarang berkahwin bersama. \_\_\_\_\_.
7. Menyatakan TIDAK kepada perbuatan yang mendorong kepada perbuatan sumbang mahram merupakan salah satu tindakan asertif. \_\_\_\_\_.
8. Antara contoh peranan ahli keluarga dalam memberikan pendidikan agama ialah \_\_\_\_\_.
9. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perbuatan sumbang mahram ialah keimanan yang lemah, keruntuhan \_\_\_\_\_, dan gagal mengawal nafsu.

10. Pilih perbuatan di bawah sama ada **BETUL** atau **SALAH** pada situasi yang tidak selamat untuk mengelakkan sumbang mahram.

- a) Anak-anak diasingkan bilik tidur mengikut jantina .
- b) Berpakaian sopan dan menutup aurat walaupun berada dalam kalangan ahli keluarga sendiri.
- c) Datuk ingin mandi bersama-sama anak lelaki atau perempuan.
- d) Pakcik melakukan sentuhan di bahu sebagai tanda terima kasih kerana membantunya.
- e) Ayah masuk ke bilik anak perempuan untuk tidur bersama-sama.
- f) Datuk melakukan sentuhan di bahagian kemaluan dan dada cucu perempuannya tanda kasih sayang.

11. Berdasarkan pernyataan di bawah, isi tempat kosong dengan memilih jawapan berkaitan peranan ahli keluarga untuk mengelak sumbang mahram daripada berlaku.

Memantau pergaulan

Membaiki status ekonomi

Pendidikan agama

Membezakan sentuhan kasih dan nafsu

Memantau penggunaan media massa/media sosial

- a) Beribadat bersama-sama ahli keluarga dan mendoakan agar dijauhkan dari segala kemungkaran dalam keluarga masing-masing. (\_\_\_\_\_).
- b) Ibu bapa menghadkan penggunaan telefon dan internet serta mengawal bahan bacaan atau tontonan. (\_\_\_\_\_).
- c) Ibu bapa mendidik anak-anak lelaki atau perempuan tentang sentuhan selamat iaitu sentuhan yang dilakukan pada tempat yang tidak sepatutnya seperti di bahagian kemaluan. (\_\_\_\_\_).

- d) Setiap ibu bapa perlu memantau pergaulan dan mengenali setiap kenalan anak-anak.(\_\_\_\_\_).
- e) Ibu bapa juga perlu cuba menyediakan rumah yang selesa seperti menyediakan bilik yang berasingan untuk anak lelaki dan perempuan.(\_\_\_\_\_).

**TAJUK 5.0 : PERHUBUNGAN (SILA RUJUK BUKU TEKS MUKA SURAT 162 HINGGA 168)**

**Arahan : Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang betul.**

1. Persahabatan ialah satu amalan \_\_\_\_\_ yang penting kepada setiap individu kerana persahabatan akan membentuk \_\_\_\_\_ yang lebih bermakna.
2. Persahabatan juga merupakan suatu hubungan yang \_\_\_\_\_ yang memiliki unsur \_\_\_\_\_ antara individu.
3. Persahabatan juga merujuk kepada suatu bentuk hubungan yang \_\_\_\_\_ dan melibatkan perasaan \_\_\_\_\_ serta saling \_\_\_\_\_ antara satu sama lain.
4. Persahabatan melibatkan beberapa kombinasi perasaan seperti kasih sayang, kepercayaan, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
5. Terdapat pelbagai tahap keakraban dalam hubungan persahabatan iaitu kenalan, sahabat \_\_\_\_\_, sahabat karib dan sahabat \_\_\_\_\_.
6. Individu yang sudah lama dikenali dan sering meluangkan masa serta melakukan aktiviti bersama-sama ialah termasuk dalam pola sahabat \_\_\_\_\_.
7. Pola sahabat \_\_\_\_\_ pula adalah individu yang wujud dalam kehidupan yang mempunyai minat atau hala tuju yang sama seperti rakan sekelas.
8. Individu yang sangat rapat serta boleh berkongsi perasaan, pendapat dan pandangan peribadi ialah sahabat \_\_\_\_\_.
9. Kumpulan individu yang sering berjumpa semasa berada di sekolah atau taman perumahan dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

10. Lengkapi ayat di bawah ini berkaitan batas-batas pergaulan dan komunikasi dalam persahabatan. (Rujuk buku teks muka surat 166 hingga 167).

- a) Batas-batas pergaulan dalam persahabatan adalah bertujuan untuk menjalin perhubungan yang lebih \_\_\_\_\_ dan berterus terang.
- b) Bahasa yang digunakan dalam berkomunikasi bersama sahabat adalah menggunakan Bahasa yang mudah difahami dan \_\_\_\_\_.
- c) Prihatin dengan menunjukkan bahawa anda sedang \_\_\_\_\_ ketika sahabat meluahkan perasaan.
- d) Seorang sahabat yang baik akan meminta \_\_\_\_\_ sekiranya berlaku salah faham.
- e) Antara perkara yang melampaui batas pergaulan antara sahabat ialah \_\_\_\_\_ anda secara psikologi, fizikal dan mental.
- f) Sekiranya sahabat menghadapi masalah, anda perlu menjadi \_\_\_\_\_ yang baik dan cuba mencari jalan \_\_\_\_\_ yang sesuai.